



**KEMENTERIAN WILAYAH PERSEKUTUAN**

**TEKS UCAPAN**

**YB TUAN HAJI KHALID BIN ABD. SAMAD  
MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN**

**SEMPENA**

**LUNCHEON TALK SAMBUTAN HARI WILAYAH PERSEKUTUAN 2019**

**BERTAJUK : WAWASAN PERANCANGAN BANDAR DAN DESA DI  
MALAYSIA**

**DEWAN SERBAGUNA KWP, ARAS 1, BLOK 1, MENARA SERI WILAYAH,  
KEMENTERIAN WILAYAH PERSEKUTUAN, WP PUTRAJAYA**

**12 FEBRUARI 2019 (SELASA) / 11.00 PAGI**

1. Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera diucapkan kepada:
  - i. YB Datuk Dr. Shahrudin bin Md Salleh, Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan;
  - ii. YBhg. Datuk Seri Haji Saripuddin bin Haji Kasim, Ketua Setiausaha Kementerian Wilayah Persekutuan;
  - iii. YBhg. Dato' Nor Hisham bin Ahmad Dahlan, Datuk Bandar Kuala Lumpur;
  - iv. YBhg. Dato' TPr Hajah Rokibah binti Abdul Latif, Ketua Pengarah PLANMalaysia (Jabatan Perancangan Bandar dan Desa);

- v. Dato'dato Bandar dan Yang Dipertua-Yang Dipertua;
  - vi. Dato'-Dato', Datin-Datin, tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati sekalian.
2. Alhamdulillah, dimulai segalanya dengan mengatur rasa syukur setinggi-tinggi ke hadrat Allah SWT, yang telah dengan Izin Rahmat dan Kurnianya, memungkinkan kita bertemu pada hari ini.
  3. Terlebih dahulu saya ingin mengambil kesempatan ini untuk merakamkan ucapan setinggi-tinggi penghargaan kepada Ketua Pengarah dan warga PLANMalaysia (Jabatan Perancangan Bandar dan Desa) yang julung-julung kalinya menayakan salah satu Program Sambutan Hari Wilayah Persekutuan 2019.

## PENDAHULUAN

YBhg. Dato' Sri, Dato'-Dato', Datin-Datin Tuan-Tuan dan Puan-Puan sekalian,

4. Semasa diputuskan supaya PLANMalaysia ini berada di bawah portfolio saya iaitu Kementerian Wilayah Persekutuan, saya telah banyak mendalami peranan, kepentingan dan sumbangan perancangan bandar kepada masyarakat dan negara. Malah, saya rasa ramai juga yang tertanya-tanya kenapa PLANMalaysia diletakan di bawah KWP berbanding selama ini di Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan.
5. Saya dapati bahawa aspek perancangan bandar ini begitu penting sebenarnya kerana **pertamanya** ianya mempengaruhi **bagaimana** dan **di mana kita menetap, bekerja** dan **berehat** (*live, work and recreate*), **kedua**, aktiviti perancangan **mempengaruhi corak** sesuatu pembangunan yang memberi implikasi kepada **kesejahteraan hidup masyarakat** dan **kemakmuran ekonomi** negara.

6. Sepanjang pengalaman saya sebagai Menteri Wilayah Persekutuan di dalam tempoh hampir 9 bulan ini yang pada mulanya bertanggungjawab terhadap DBKL, Putrajaya dan Labuan, saya dapati bahawa perancangan bandar kerap kali mengundang **isu apabila perancangan** yang dilakukan **dipandang sebagai tidak tepat atau ianya tidak memihak kepada sesuatu kumpulan atau golongan masyarakat.**
7. Daripada itu, saya memahami perancangan bandar merupakan satu **balancing act** iaitu **menyeimbangkan hak-hak individu, keperluan komuniti dengan visi dan matlamat pihak kerajaan.** Ini ditambah lagi dengan senario pembangunan negara yang **didorong oleh kehendak pasaran.** Tentunya ini merupakan sesuatu yang sukar dilakukan tetapi ianya perlu diuruskan dan merupakan cabaran utama oleh perancang bandar dan desa.
8. PLANMalaysia sebagai peneraju perancangan bandar mempunyai visi **menjadi peneraju perancangan bandar dan desa ke arah mewujudkan persekitaran kehidupan yang berkualiti, sejahtera dan mampan.** Sesuatu yang menerajui atau **forefront** ini memberi maksud peranan **unggul** yang harus dimainkan oleh perancang bandar dan desa di dalam memberi **arah tuju** atau **panduan perancangan** di negara ini.

## SISTEM PERANCANGAN SEMASA

YBhg. Dato' Sri, Dato'-Dato', Datin-Datin Tuan-Tuan dan Puan-Puan sekalian,

9. Penyusunan semula kementerian dan jabatan berdasarkan PRU14 memberi dimensi baru kepada arah tuju perancangan bandar dan desa Negara ini di mana Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 (Akta 172) kini berada di bawah kawalan KWP **manakala** Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171) di bawah KPKT.
10. Akta 172 ini meletakkan hal-hal perancangan di mana **Pihak Berkuasa Tempatan (PBT)** bertindak sebagai Pihak Berkuasa Perancang Tempatan

(PBPT). **Akta 171 pula lebih kepada tadbir urus PBT.** Dalam pada itu juga, **Akta 172 juga meletakkan kepentingan perancangan yang sama penting di semua peringkat persekutuan, negeri dan tempatan.**

11. Senarai Bersama Perlembagaan Persekutuan telah menetapkan supaya hal ehwal perancangan dikongsi bersama antara Kerajaan Persekutuan dan juga Kerajaan Negeri yang juga bertanggungjawab menyelia PBT masing-masing.
12. Berdasarkan senario dan peruntukan **Akta 172**, perancang bandar mempunyai peranan yang lebih luas dalam mengerakkan peranan Majlis Perancang Fizikal Negara (MPFN).
13. MPFN yang dipengerusikan oleh YAB Perdana Menteri merupakan **satu platform untuk membincang dan menangani isu-isu berkaitan perancangan dan perbandaran di seluruh Negara.** Berdasarkan kepada MPFN yang lepas, saya yakin apa-apa **isu perancangan pembangunan dan perbandaran perlu ditangani dan di selaraskan dengan agensi-agensi persekutuan serta kerajaan negeri secara bersama.**
14. Oleh itu, saya berharap **PLANMalaysia perlu lebih aktif untuk mengetengahkan isu-isu perancangan semasa yang memerlukan kerjasama pelbagai pihak untuk dijadikan dasar atau penyelesaian bersama.** Antara isu-isu yang merentasi sempadan adalah perbandaran yang pesat, pengangkutan awam, pengekalan kawasan tanaman padi, pembangunan mampan, lembangan sungai, persisiran pantai dan lain-lainnya.

## **RANCANGAN PEMAJUAN / PELAN PEMBANGUNAN**

YBhg. Dato' Sri, Dato'-Dato', Datin-Datin Tuan-Tuan dan Puan-Puan sekalian,

15. Akta 172 juga memperuntukan satu sistem rancangan pembangunan yang meliputi tiga peringkat iaitu **Rancangan Fizikal Negara (RFN), Rancangan Struktur Negeri (RSN), dan Rancangan Tempatan (RT).**

16. Rancangan pembangunan ini membentuk asas bagi **perancangan, pengawalan** dan **pemajuan** bermula dari Negara, Negeri dan seterusnya PBPT. Manakala DBKL mempunyai sistem perundangan perancangan yang sedikit berbeza. Walau bagaimanapun prinsip-prinsip perancangan adalah agak sama dan boleh mempelajari antara satu sama lain.
17. Melalui kedudukan PLANMalaysia di KWP maka sistem perancangan yang meliputi **Rancangan Pemajuan Nasional** dan **Rancangan Pemajuan di bawah Akta 172** dan **Pelan Pembangunan di bawah Akta 267 di DBKL** akan dapat diselaraskan perlaksanaan. **Pewartaan** rancangan pemajuan atau pelan pembangunan adalah penting supaya **perancangan dapat dilaksanakan dengan telus, berintegriti dan berlandaskan lunas-lunas perundangan.**

#### **PENDEKATAN BARU RANCANGAN PEMAJUAN**

YBhg. Dato' Sri, Dato'-Dato', Datin-Datin Tuan-Tuan dan Puan-Puan sekalian,

18. PLANMALaysia dengan kerjasama PBPT telah menyelaraskan penyediaan 122 kajian Rancangan Tempatan dan 58 Kajian Rancangan Kawasan Khas (RKK) di seluruh Negara. KWP melalui PLANMalaysia akan terus komited membantu PBPT untuk menyediakan Rancangan Pemajuan tersebut pada masa hadapan sebagai kerangka pembangunan di kawasan PBPT.
19. Sebagai pemilik kepada Rancangan Fizikal Negara (RFN) dan lain-lain rancangan peringkat nasional, maka PLANMalaysia akan terus **memastikan perancangan pembangunan akan diterjemahkan di peringkat negeri dan PBPT.**
20. Di dalam konteks pelaksanaan, saya menyarankan kepada PLANMalaysia dengan kerjasama PBPT untuk menerokai pelaksanaan RT dan RKK melalui projek-projek **showcasing** atau seumpamanya yang terkandung di dalam Rancangan Pemajuan supaya **ianya lebih memberi kesan atau touch point kepada penduduk tempatan.**

21. Selain membantu penyediaan Rancangan Pemajuan, sudah tiba masa, PLANMalaysia juga perlu melihat aspek audit pemantauan dan pencapaian impak dan *outcomenya* secara berkala.
22. Pemantauan yang berkesan membolehkan masalah dikenalpasti sebelum ianya mendatangkan kesan buruk dan penjajaran semula boleh dibuat untuk memperkukuhkan perancangan yang dibuat.

### **KEBENARAN MERANCANG YANG BERINTEGRITI**

YBhg. Dato' Sri, Dato'-Dato', Datin-Datin Tuan-Tuan dan Puan-Puan sekalian,

23. Di dalam aspek kelulusan perancangan, acapkali dibangkitkan isu berkaitan kelewatan di dalam memberi Kebenaran Merancang (KM) dan **syarat-syarat yang dikemukakan PBPT terhadap sesuatu permohonan pembangunan yang dikatakan tidak wajar.**
24. Adalah penting supaya **isu-isu kelewatan ini dapat diatasi** dan pada masa yang sama, bilangan pegawai perancang dapat ditambah khusus di PBPT bagi menggalas bebanan tugas yang semakin banyak di samping berhadapan isu perancangan yang semakin mencabar serta tuntutan rakyat yang semakin meningkat.
25. **Saya juga ingin menarik perhatian terhadap perancang bandar untuk terus meningkat integriti dan ketelusan di dalam memproses permohonan kebenaran merancang.**
26. Selain daripada Rancangan Pemajuan diwartakan, **kelulusan-kelulusan Kebenaran Merancang** perlu berdasarkan **syarat-syarat dan keperluan syarat yang sah dan relevan** perlu diberi perhatian supaya pembangunan yang akan dijalankan dengan menepati keperluan teknikal. Misalnya pembangunan "haram" di atas tanah kerajaan.
27. Berkaitan dengan itu, saya juga memberi perhatian serius terhadap **penyediaan pelan susunatur oleh profesional yang berkelayakan** supaya pelan susunatur disediakan dengan baik dan **menepati keperluan**

**perancangan.** Secara tidak langsung, **tahap integriti kelulusan KM dapat dipertingkatkan dan masa memproses dapat dipercepatkan.**

## TERJEMAHAN KOMITMEN GLOBAL

YBhg. Dato' Sri, Dato'-Dato', Datin-Datin Tuan-Tuan dan Puan-Puan sekalian,

28. Selaras dengan penyertaan PLANMalaysia dan Jabatan Landskap Negara dan agensi lain di KWP, saya telah mendapat beberapa cadangan supaya nama Kementerian dijenamakan semula dengan nama yang lebih melambangkan peranan Kementerian yang lebih luas. Ini sedang kita usahakan.
29. Sebagai peneraju perancangan spatial, **PLANMalaysia merupakan pihak yang memainkan peranan penting di dalam aspek guna tanah.** Selaras dengan komitmen pembangunan mampan di peringkat global, pelbagai inisiatif telah dipersetujui oleh negara seperti *Sustainable Development Goals* (GDGs), *Intergovernmental Panel on Climate Change* (IPCC), Pembangunan Hijau, Agenda Perbandaran Baru, Kerangka Bandar Rendah Karbon dan lain-lainnya.
30. Komitmen ini merupakan **usaha dan ikrar bersama antara negara dunia** untuk melaksanakannya di peringkat Negara masing-masing supaya isu-isu global seperti pembangunan mampan, perubahan iklim, perbandaran dan lain-lainnya yang saling berkaitan dapat **diatasi secara bersama.** Oleh itu, adalah penting peranan perancang bandar untuk menterjemahkannya di peringkat negara ini dan seterusnya di peringkat negeri dan PBPT.

## PUSAT KECEMERLANGAN

YBhg. Dato' Sri, Dato'-Dato', Datin-Datin Tuan-Tuan dan Puan-Puan sekalian,

31. Seperti mana Ucapan Ketua Pengarah PLANMalaysia tadi, penduduk bandar dijangka mencapai 83.3 % menjelang 2025 di negara ini dan RFN4 mensasarkan pertumbuhan ini perlu dihadkan 85% pada tahun 2040. Ini

bermakna bandar-bandar di Malaysia akan berkembang dan **berlaku pembesaran keluasan kawasan bandar** yang pesat dengan fokus di **Kornubasi Nasional** yang melibatkan Kuala Lumpur, Putrajaya dan Lembah Kelang.

32. DBKL yang dilihat sebagai peneraju dalam perancangan bandar di Kuala Lumpur dan negara perlu berkongsi pengalaman bersama-sama oleh PBPT yang lain supaya isu-isu perbandaran dapat ditangani dengan berkesan. PLANMalaysia perlu melihat aspek ini dan pada masa yang sama pengalaman PBPT yang lain juga boleh dipelajari bersama.
33. Perbandaran yang pesat ini secara umumnya telah menimbulkan isu kesesakan lalulintas, pengangkutan awam, kemiskinan bandar, penyediaan kemudahan dan infrastruktur, penggunaan sumber tenaga, urus tadbir bandar dan lain-lainnya. Berkaitan itu, saya merasakan bahawa isu-isu ini memerlukan penyelidikan dan penyelesaian bersepadu.
34. Justeru itu, satu **kumpulan pakar perbandaran** atau **Pusat Kecemerlangan** berkaitan perancangan dan perbandaran perlu diwujudkan. Sesuatu isu-isu perancangan dan perbandaran hendaklah dilihat dengan jelas dari segi **outcome** yang ingin dicapai dan berasaskan **evidence-based**. Sehubungan itu, data dan maklumat bersepadu adalah amat penting untuk membantu perancang bandar.
35. Dengan adanya sistem **I-Plan** dan kemudiannya **Malaysian Urban Observatory (MUO)** yang telah dan sedang dibangunkan oleh PLANMalaysia **perlu menjadi pusat data dan maklumat Negara** di dalam membantu dan menasihati kerajaan membuat keputusan.
36. Di dalam aspek yang lain pula, projek-projek dalam bentuk *show chasing* perlu dihasilkan daripada Garis Panduan Perancangan dan dasar-dasar perancangan untuk dilaksanakan khususnya di Wilayah Persekutuan dan seterusnya *direplicate* di PBPT di seluruh Negara.



37. Oleh itu, Pasukan Pakar atau Pusat Kecemerlangan juga perlu memikirkan sumber peruntukan untuk pelaksanaan projek tersebut.

## PENDEKATAN BAHARU DALAM PERANCANGAN

YBhg. Dato' Sri, Dato'-Dato', Datin-Datin Tuan-Tuan dan Puan-Puan sekalian,

38. Memandangkan isu-isu perbandaran yang semakin kompleks, perancang bandar juga perlu melihat dan melaksanakan pendekatan-pendekatan baharu dalam pembangunan. Konsep Bandar Pintar, Pembangunan Berorientasikan Transit (TOD), Bandar Rendah Karbon, Bandar Berdaya Tahan Risiko, Kejiranan Hijau, Bandar Selamat, Bandar Padat dan lain-lainnya.
39. Manakala bagi penghuni bandar yang menerima kesan perbandaran, maka agenda pembangunan negara yang berasaskan prinsip **pertumbuhan dengan ekuiti** bagi mencapai status negara maju dan **inklusif** perlu diberi perhatian.
40. Justeru itu, perancang bandar perlu memberi perhatian terhadap golongan yang **terpinggir dari arus perdana pembangunan**. Pembangunan juga tidak boleh meninggalkan negeri atau wilayah tertentu di belakang.
41. Saya juga ingin menarik perhatian YBhg Dato' Sri, Dato'-Dato', Tuan-Tuan dan Puan-Puan kepada Akta Perancangan Bandar dan Desa, (Pindaan) 2017 (Akta A1522) mengenai pelaksanaan **Penilaian Impak Sosial (SIA)** yang telahpun diwartakan di peringkat persekutuan.
42. Pelaksanaan SIA ini amat berkesan bagi memastikan semua impak sosial yang dijangkakan terhasil daripada perancangan data dan pelaksanaan dasar-dasar kerajaan atau pembangunan baharu dapat dikenalpasti. Langkah-langkah mitigasi telah diambil kira dalam pelan tersebut dan satu pelan pengurusan impak sosial dirangka secukupnya khusus bagi mengelakkan atau mengurangkan impak negatif dan memaksimumkan impak positif kepada rakyat. Saya berharap pelaksanaan SIA dapat dipanjangkan di kawasan wilayah persekutuan yang lain.

## RUMUSAN DAN PENUTUP

YBhg. Dato' Sri, Dato'-Dato', Datin-Datin Tuan-Tuan dan Puan-Puan sekalian,

43. Sepertimana yang saya maklumkan di dalam Sesi *Townhall* pada 28 Januari yang lepas, Kementerian Wilayah Persekutuan akan memberi fokus kepada **6 teras utama** sebagai sasaran untuk memacu Wilayah Persekutuan ke arah yang lebih cemerlang dengan **tema “Wilayah Peduli, Harapan Dipenuhi” (*Caring Wilayah, Realizing Aspiration*)**.
44. Saya berharap perancang Bandar akan memainkan peranan yang penting di dalam teras Persekitaran Hijau, Keselamatan Awam, Komuniti Inklusif dan lain-lain teras.
45. Sebagai penutup, berdasarkan kepada Visi dan saranan yang saya gariskan, saya yakin wawasan perancangan untuk **menjadi peneraju perancangan bandar dan desa ke arah mewujudkan persekitaran kehidupan yang berkualiti, sejahtera dan mampan** akan dapat dicapai jika kita semua saling bekerjasama dan saling bantu membantu untuk mencapai visi dan misi bersama.

**Sekian. Terima Kasih.**

Wabillahitaufik Walhidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh